



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 15 – 19 OKTOBER 2021**

**BIL. 48 / 2021**



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 19 Oktober 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 2,287,888** atau 95.3 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **86,680 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **5,745 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **2,401,866 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.8 peratus** atau **5,733 kes** daripada catatan harian dengan **94.7 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 12 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **37.4 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.9 peratus), Zon Utara (16.8 peratus), Zon Selatan (15.6 peratus) dan Zon Pantai Timur (11.3 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **888 kes** disusuli oleh Sarawak (749 kes), Sabah (695 kes), Johor (649 kes), Kelantan (597 kes), Pulau Pinang (393 kes) dan Kedah (352 kes). Sejumlah **27,962 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **69 kematian terbaharu** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 18 Oktober 2021 menunjukkan seramai **25,240,631** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,352,152** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2,933,977). Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor dengan 2,874,762, Sabah (2,163,078), Sarawak (2,008,643), Perak (1,767,280) dan Pulau Pinang (1,446,905). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 48.05 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
- **USA: Jualan runcit meningkat pada bulan September didorong oleh perbelanjaan pengguna yang meningkat.** Census Bureau melaporkan jualan runcit meningkat 0.7% pada September 2021 berbanding

anggaran penurunan 0.2% oleh Dow Jones. Walau bagaimanapun, penjualan berkaitan auto, jualan runcit meningkat 0.8%, lebih baik daripada ramalan 0.5%. Berbanding dengan tahun lalu, jualan runcit meningkat 13.9% setelah kerajaan USA melonggarkan sekatan pergerakan berikutan pandemik COVID-19. (CNBC)

- **USA: Sentimen pengguna meningkat lebih perlahan pada Oktober 2021.** Data awal yang dikeluarkan oleh University of Michigan secara tidak dijangka menunjukkan kemerosotan sederhana dalam sentimen pengguna USA pada bulan Oktober. Laporan menunjukkan indeks sentimen pengguna merosot ke 71.4 pada bulan Oktober dari 72.8 pada bulan September. Kemerosotan itu mengejutkan penganalisis ekonomi, yang menjangkakan indeks meningkat hingga 73.1. Sentimen pengguna USA kekal pada tahap terendah selama tiga bulan terakhir sebagai tindak balas terhadap penutupan ekonomi tahun lalu. Varian Delta, kekurangan rantai bekalan dan penurunan kadar penyertaan tenaga buruh akan terus memberi kesan kepada magnitud pertumbuhan perbelanjaan pengguna hingga tahun 2022. (RTT)
- **EU: Lebihan dagangan Eurozone pada Ogos jatuh.** Lebihan dagangan barangan pada bulan Ogos berjumlah EURO4.8 bilion berbanding EURO14 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu. Penganalisis ekonomi telah meramalkan lebihan EURO16.1 bilion. Eksport meningkat 18.2% manakala dan import meningkat 26.6%. Pada tempoh Januari hingga Ogos, lebihan dagangan adalah EURO126.9 bilion berbanding EURO126.8 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu. Eksport meningkat 15.2% (import meningkat 16.8%). Berdasarkan data suku tahunan pelarasan bermusim, eksport meningkat 0.3% dan import meningkat 1.6% dari bulan sebelumnya. (RTT)
- **JAPAN: Aktiviti tertiar menyusut untuk bulan kedua berturut-turut pada Ogos.** *Ministry of Economy, Trade and Industry* melaporkan indeks aktiviti tertier turun -1.7% bulan-ke-bulan pada bulan Ogos, susulan penurunan -0.6% pada bulan Julai 2021. (RTT)
- **INDONESIA: Lebihan dagangan meningkat pada bulan September.** BPS melaporkan lebihan dagangan meningkat kepada USD4.37 bilion pada bulan September daripada USD2.386 bilion pada tahun yang lalu. Penganalisis ekonomi menjangkakan lebihan dagangan berjumlah USD3.84 bilion. Pada bulan Ogos, lebihan perdagangan adalah USD4.748 bilion. Eksport meningkat 47.64% (tahun-ke-tahun) pada September manakala import meningkat 40.31%. Perbandingan bulan-ke-bulan menunjukkan eksport menurun -3.84% manakala import menurun -2.67% pada bulan September. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **International Monetary Fund (IMF) mengurangkan ramalan pertumbuhan ekonomi tahun ini bagi rantau Asia** susulan daripada gangguan rantaian bekalan dan tekanan inflasi di rantau ini. Negara ASEAN-5 iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand menghadapi ekonomi mencabar. Walaubagaimanapun, IMF menyemak semula ramalan pertumbuhan ekonomi Asia bagi tahun **2022 kepada 5.7 peratus berbanding 5.3 peratus yang mencerminkan kemajuan dalam program vaksinasi penduduk.**
2. **Malaysia Airports melaporkan lonjakan 74 peratus pada September** berbanding bulan sebelumnya di mana terdapat 55 peratus peningkatan dalam keseluruhan **pergerakan penumpang bagi Malaysia kepada 458,000 orang,** merangkumi **362,000 penumpang domestik dan baki 96,000 lagi penumpang antarabangsa.** Trend perjalanan ini akan berterusan dengan pemansuhan sekatan perjalanan antara negeri dan antarabangsa. **Operasi kargo sehingga September menunjukkan peningkatan 24 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu dengan membabitkan 726,800 tan kargo.**
3. **Kerajaan Perak telah memperuntukkan RM46.5 juta** untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terkena wabak Covid-19. Lebih **41,000 peniaga di negeri ini** akan mendapat manfaat daripada peruntukan tersebut.
4. **Sebanyak RM4.79 juta disalurkan kepada 32,120 ahli Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).** Bantuan tersebut diperuntukkan oleh **Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).**
5. **Industri francais negara mencatatkan nilai jualan sebanyak RM13.3 bilion** pada 2019 dan **menyumbang kepada lebih 80,000 peluang pekerjaan sebelum** merekodkan kira-kira RM5.2 bilion nilai jualan pada akhir tahun kewangan 2020.
6. **Pengadaptasian transformasi digital bantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** membuat keputusan dengan lebih cepat dan tepat sekali gus meningkatkan jualan dan pendapatan mereka. **Terdapat 5.3 peratus atau 58,000 daripada 1.1 juta PKS** terbabit dalam sektor automotif.
7. **Golongan belia dan mahasiswa perlu diberi panduan** yang bersesuaian agar mereka lebih bersedia menghadapi alam pekerjaan. Hal ini berikutan pada masa ini, **satu daripada enam graduan hanya mendapat pekerjaan** selepas enam bulan menamatkan pengajian/ graduasi.

8. **Sistem persaraan Malaysia diiktiraf ketiga terbaik di Asia dan ke 23 di peringkat global**, mengatasi Jepun dan Korea Selatan. Kajian tersebut melibatkan **43 sistem pendapatan persaraan seluruh dunia berasaskan tiga sub indeks** iaitu **kecukupan, kelestarian dan integriti**. Berikutan jangka hayat adalah semakin meningkat, kerajaan boleh melihat cara meningkatkan had sokongan minimum bagi pesaraan termiskin dan juga kadar penyertaan tenaga buruh terutama bagi yang berusia.
9. **Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah)** telah melancarkan program **Kursus Jangka Pendek Kursus Penyeliaan & Operasi Ladang Kelapa Sawit (K-POLKS)** bagi melatih belia tempatan dalam industri berkenaan. Langkah ini didorong oleh **kehilangan 25 peratus pekerja asing akibat pandemik** dan kontrak yang tidak disambung semula. Sehingga kini, program tersebut telah berjaya menampung **60 peratus kekosongan pekerja asing**.
10. **Terdapat lebih 275 ribu kekosongan jawatan aktif** di seluruh negara menerusi portal MYFutureJobs sehingga 1 Oktober. Dalam tempoh 10 bulan pertama 2021, **sebanyak 50,482 orang yang dilaporkan telah kehilangan pekerjaan**. Kemudahan 'one-stop centre' ini akan membantu bagi mengurangkan kadar pengangguran serta meningkatkan penempatan pekerjaan masyarakat tempatan,
11. **Syarikat farmaseutikal, Duopharma Biotech Bhd memantapkan lagi usaha vaksinasi COVID-19** di Malaysia dengan pengedaran vaksin Sinopharm COVID-19. Penghantaran pertama vaksin Sinopharm tiba di Malaysia secara berperingkat pada September 2021, dan kini terdapat secara meluas di klinik dan hospital swasta di seluruh negara. Duopharma Biotech komited untuk menyokong program vaksinasi kerajaan dan meningkatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dengan **memperluas saluran pengedaran vaksin untuk memastikan liputan vaksin penuh di Malaysia**.
12. **Permintaan untuk gas dan minyak meningkat lebih cepat daripada pengeluaran** ketika ekonomi kembali seperti biasa selepas penutupan yang disebabkan oleh COVID-19. **Minyak mentah kini melebihi \$82 per tong, tertinggi sejak Oktober 2014**.
13. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Perak, melaporkan **kemasukan pengunjung ke Pulau Pangkor sejak pergerakan rentas negeri dibenarkan pada 11 Okt lepas direkodkan seramai 9,888 orang** dari seluruh negara. Mereka menerima **9,888 pengunjung ke Pulau Pangkor dalam tempoh enam hari dengan 78 peratus** tempahan hotel dan penginapan. Sebanyak 25 daripada 47 premis

yang berdaftar sudah beroperasi, manakala selebihnya secara berperingkat hingga November ini.

14. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) **menetapkan harga lantai ibadah umrah adalah RM6,900 bagi tempoh 12 hari dan 10 malam.** Harga lantai ini akan disemak semula apabila wabak COVID-19 diisytiharkan berakhir dan keadaan sudah kembali normal selain kekangan SOP tidak lagi dilaksanakan Malaysia dan Arab Saudi. Kali terakhir kadar harga lantai kos ibadah umrah ditetapkan ialah pada tahun 2016 iaitu pada paras harga RM4,900.

<b>A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Metro</b> 15 Oktober 2021 ( <i>Non-essential</i> )	<b>Bantuan urus ringan beban tersedia</b>  Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) telah menawarkan pengecualian faedah pinjaman kepada Kumpulan B50 yang kehilangan pekerjaan atau mengalami pengurangan pendapatan sekurang-kurangnya 50 peratus.	<a href="https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/766404/bantuan-urus-ringan-beban-tersedia">https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/766404/bantuan-urus-ringan-beban-tersedia</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 19 Oktober 2021 ( <i>Non-essential</i> )	<b>32,120 pedagang terima bantuan kewangan</b>  Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memperuntukkan RM4.79 juta untuk disalurkan kepada 32,120 ahli Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara. Setiap PPN akan menerima peruntukan RM70,000, manakala PPK pula akan menerima RM8,000.	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/877849/32120-pedagang-terima-bantuan-kewangan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/877849/32120-pedagang-terima-bantuan-kewangan</a>
3.	<b>The Star</b> 19 Oktober 2021 ( <i>Non-essential</i> )	<b>Perak allocates RM46.5mil to aid SMEs</b>  The Perak government has set aside RM46.5 million to assist small and medium-sized enterprises (SMEs) impacted by the Covid-19 epidemic. Over 41,000 merchants in the state would benefit from the allotment. Among the assistance provided are a one-time RM300 allowance to small traders registered with the local authority, approximately RM1.85 million for the Perak	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/10/19/perak-allocates-rm465mil-to-aid-smes">https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/10/19/perak-allocates-rm465mil-to-aid-smes</a>

		<p>Entrepreneurs Grant (Geran Usahawan Perak), and RM68.1 million for Covid-19-related matters such as the distribution of food boxes, the purchase of items for frontliners and workers, the extension of the moratorium for tenants of local authorities, and more.</p>	
--	--	---	--

**Penemuan penting & isu:**

1. URUS menyediakan bantuan kewangan untuk peminjam individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) B50 yang terjejas berikut wabak Covid-19.
2. Sebanyak RM4.79 juta disalurkan kepada 32,120 ahli Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Bantuan tersebut diperuntukkan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).
3. Kerajaan Perak telah memperuntukkan RM46.5 juta untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terkena wabak Covid-19. Lebih 41,000 peniaga di negeri ini akan mendapat manfaat daripada peruntukan tersebut

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Bantuan kewangan yang disediakan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) melalui URUS merupakan satu bentuk sokongan jangka masa pendek. Meskipun terdapat peningkatan risiko kredit terhadap PKS, mereka boleh memanfaatkan pembiayaan ini untuk mengembangkan perniagaan. Pembangunan PKS adalah sangat penting bagi memacu ekonomi Negara. KDNK bagi sektor PKS menyusut 7.3 peratus pada tahun 2020.
2. Prestasi ekonomi yang baik diperolehi daripada langkah progresif kerajaan dalam menyediakan bantuan bagi sektor yang terjejas. KDNK Malaysia meningkat 16.1 peratus pada suku tahun kedua 2021 setelah menguncup empat suku tahun berturut-turut. Semua sektor ekonomi merekodkan pertumbuhan positif kecuali sektor Pertanian yang menyusut 1.5 peratus berbanding pertumbuhan marginal 0.2 peratus pada suku tahun pertama 2021. Penguncupan tersebut terutamanya dipengaruhi oleh penyusutan dalam subsektor Kelapa sawit (-10.9%). Sementara itu, subsektor Pertanian lain dan Ternakan masing-masing terus berkembang pada 6.0 peratus dan 6.3 peratus.



3. Pakej rangsangan yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri merupakan suntikan fiskal bagi membantu rakyat dan perniagaan terutamanya PKS yang terkesan akibat COVID-19. Pada tahun 2020, Perak mencatatkan prestasi ekonomi negatif 2.3 peratus berbanding 4.1 peratus pada tahun 2019.

<b>B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>			
1.	<b>Sinar Harian</b> 15 Oktober 2021 ( <i>Essential</i> )	<p><b>Melaka, Putrajaya, KL dan Selangor beralih ke Fasa 4 Isnin ini</b></p> <p>Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Kedah akan beralih dari Fasa 2 kepada Fasa 3. Melaka serta kawasan Lembah Klang iaitu Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor turut beralih dari Fasa 3 kepada Fasa 4.</p> <p>Peralihan fasa ini mengikut garis panduan yang ditetapkan PPN dan peratusan kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/artic/e/167135/BERITA/Nasional/Melaka-Putrajaya-KL-dan-Selangor-beralih-ke-Fasa-4-Isnin-ini">https://www.sinarharian.com.my/artic/e/167135/BERITA/Nasional/Melaka-Putrajaya-KL-dan-Selangor-beralih-ke-Fasa-4-Isnin-ini</a>
2.	<b>Kosmo</b> 15 Oktober 2021 ( <i>Non Essential</i> )	<p><b>Industri francais kembali pulih</b></p> <p>Kerajaan komited terhadap usaha menyokong dan menghidupkan semula momentum industri francais di negara ini yang turut terjejas akibat pandemik.</p> <p>Sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan bagi meneruskan pelaksanaan Enhanced Franchise Development Programme (EFDP).</p>	<a href="https://www.kosmo.com.my/2021/10/15/industri-francais-kembali-pulih-pm/">https://www.kosmo.com.my/2021/10/15/industri-francais-kembali-pulih-pm/</a>
3.	<b>Berita Harian</b> 15 Oktober 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<b>Adaptasi digital bantu PKS buat keputusan cepat, tepat</b>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/ain-">https://www.bharian.com.my/bisnes/ain-</a>

		<p>Pengadaptasian transformasi digital mampu membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) membuat keputusan dengan lebih cepat dan tepat sekali gus meningkatkan jualan dan pendapatan mereka.</p> <p>Dianggarkan terdapat 5.3 peratus atau 58,000 daripada 1.1 juta PKS terbabit dalam sektor automotif. Ia merangkumi sektor lepas jualan seperti bengkel, alat ganti dan sektor pembuatan seperti membekal alat komponen kepada pengilang peralatan asal (OEM) dan perkhidmatan merangkumi pengangkutan dan profesional.</p>	<a href="https://www.borneworld.com.my/2021/10/876445/adaptasi-digital-bantu-pks-buat-keputusan-cepat-tepat">lain/2021/10/876445/adaptasi-digital-bantu-pks-buat-keputusan-cepat-tepat</a>
4.	<p><b>Borneo Post Online</b> 15 Oktober 2021 (<i>Non-Essential</i>)</p>	<p><b>Acer to design different kind of product to counter global chip shortage</b></p> <p>Hardware and electronics giant Acer aspires to design a “different kind of product” as the price of semiconductor chips and the electronic devices they power are expected to rise across the spectrum given that the global chip shortage is likely to last into late next year.</p> <p>The initiative to ensure it has a wide selection of device component resources would relieve pressure on some specific chip shortages. The Taiwan Semiconductor Manufacturing Co (TSMC) has announced the price hike into 2022 in September this year. Price hike is actually not in 2022 but right away as some chip</p>	<a href="https://www.theborneworld.com/2021/10/15/acer-to-design-different-kind-of-product-to-counter-global-chip-shortage/">https://www.theborneworld.com/2021/10/15/acer-to-design-different-kind-of-product-to-counter-global-chip-shortage/</a>

		vendors raising the price of semiconductor chips.	
5.	<b>Berita Harian</b> 18 Oktober 2021 ( <i>Essential</i> )	<p><b>Harga sawit dijangka kekal tinggi hingga awal 2022</b></p> <p>Harga kontrak penanda aras minyak sawit mentah (MSM) yang melepasi paras rekod tertinggi RM5,000 satu tan minggu lalu dijangka kekal kukuh sekurang-kurangnya sehingga suku pertama tahun depan, disokong kekurangan pengeluaran dan permintaan luaran yang tinggi.</p> <p>Kontrak penanda aras, Disember 2021 buat pertama kali melepasi paras RM5,000 satu tan pada 13 Oktober lalu untuk ditutup pada paras RM5,021 satu tan apabila stok simpanannya terhad selain langkah kerajaan India mengurangkan duti import komoditi itu.</p> <p>Faktor yang akan menyokong harga komoditi itu ialah pengeluaran yang lemah daripada jangkaan, yang akan merendahkan paras stok simpanan sawit di negara ini. Faktor luaran seperti permintaan tinggi dari India dan China di tengah-tengah duti import rendah di India, selain krisis tenaga yang berlaku di China juga akan menyokong harga MSM.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain/2021/10/877385/harga-sawit-dijangka-kekal-tinggi-hingga-awal-2022">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain/2021/10/877385/harga-sawit-dijangka-kekal-tinggi-hingga-awal-2022</a>
<b>B. Subsektor Kesenian, Hiburan &amp; Rekreasi</b>			
6.	<b>New Straits Times</b> 17 Oktober 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<b>Melaka Zoo ticket sales breach RM800k</b>	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/10/737329/melaka-zoo-">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/10/737329/melaka-zoo-</a>

		<p>Ticket sales at Melaka Zoo have exceeded RM800,000 with 10,000 visitors recorded in 16 days since the state's iconic tourism spot resumed operations on Oct 1.</p> <p>Hang Tuah Jaya Municipal Council (MPHTJ) head Datuk Shadan Othman said the total number of visitors to the zoo has breached the 1,000 daily mark with the highest recorded at 3,500 yesterday.</p>	<a href="#">ticket-sales-breach-rm800k</a>
<b>C. Subsektor Kesihatan</b>			
7.	<p><b>Berita Harian</b> 15 Okt 2021 (<i>Essential</i>)</p>	<p><b>Duopharma edar vaksin Sinopharm di pasaran Malaysia</b></p> <p>Syarikat farmaseutikal, Duopharma Biotech Bhd memantapkan lagi usaha vaksinasi COVID-19 di Malaysia dengan pengedaran vaksin Sinopharm COVID-19.</p> <p>Penghantaran pertama vaksin Sinopharm tiba di Malaysia secara berperingkat pada September 2021, dan kini terdapat secara meluas di klinik dan hospital swasta di seluruh negara.</p> <p>Untuk vaksinasi kumpulan besar, seperti tenaga kerja di kemudahan pembuatan, melalui kerjasama dengan penganjur penjagaan kesihatan, menyediakan perkhidmatan vaksinasi swasta serta klinik vaksin bergerak, yang disokong oleh pasukan profesional perubatan, paramedik, pengurus laman web dan pasukan operasi dan pentadbiran.</p>	<p><a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/10/876369/duopharma-edar-vaksin-sinopharm-di-pasaran-malaysia">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/10/876369/duopharma-edar-vaksin-sinopharm-di-pasaran-malaysia</a></p>

8.	<b>Berita Harian</b> 15 Okt 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Pulau Pinang buat persediaan suntikan dos penggalak</b> Kerajaan Pulau Pinang bersama Jabatan Kesihatan negeri itu sedang membuat persediaan bagi pelaksanaan suntikan dos penggalak dalam tempoh terdekat. Ketua Menteri Chow Kon Yeow, berkata Pusat Pemberian Vaksin (PPV) termasuk hospital serta klinik swasta akan disenaraikan sebagai rujukan umum dan semua janji temu adalah melalui aplikasi MySejahtera.	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/10/876434/pulau-pinang-buat-persediaan-suntikan-dos-penggalak">https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/10/876434/pulau-pinang-buat-persediaan-suntikan-dos-penggalak</a>
9.	<b>New Strait Times</b> 15 Okt 2021 <i>(Essential)</i>	<b>5,410 booster shots administered</b> The Health Ministry has administered 5,410 Covid-19 vaccine booster shots to targeted groups yesterday with the bulk of the doses going to medical frontliners. Private healthcare workers can get their booster shots from their own facilities depending on their agreements with state health departments and the army hospitals would be distributing doses meant for frontliners within the armed forces.	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/10/736829/5410-booster-shots-administered">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/10/736829/5410-booster-shots-administered</a>
10.	<b>Harian Metro</b> 16 Okt 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Wujudkan pusat hemodialisis di klinik kesihatan, mudahkan pesakit terima rawatan</b> Pusat hemodialisis perlu diwujudkan di klinik kesihatan (KK) di negeri ini terutama di kawasan luar bandar bagi memudahkan pesakit mendapatkan rawatan sekali gus menjimatkan kos mereka.	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/766847/wujudkan-pusat-hemodialisis-di-klinik-kesihatan-mudahkan-pesakit-terima">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/766847/wujudkan-pusat-hemodialisis-di-klinik-kesihatan-mudahkan-pesakit-terima</a>

	<p>Pesakit dikenakan bayaran RM250 hingga RM300 bagi satu sesi di pusat hemodilisis swasta kerana faktor jarak untuk ke hospital awam. Dalam sebulan, pesakit perlu membelanjakan kira-kira RM2,500 untuk 15 sesi. Jalan penyelesaian terbaik adalah dengan mewujudkan pusat hemodialisis di KK terutama di kawasan luar bandar. Ia sekali gus dapat mengelakkan pembaziran sumber dan memudahkan pesakit di kawasan kampung.</p>	
--	---	--

**Penemuan penting & isu:**

1. Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Kedah akan beralih dari Fasa 2 kepada Fasa 3. Manakala, Melaka, Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor beralih dari Fasa 3 kepada Fasa 4 bermula 18 Oktober ini.
2. Industri francais negara mencatatkan nilai jualan sebanyak RM13.3 bilion pada 2019 dan menyumbang kepada lebih 80,000 peluang pekerjaan sebelum merekodkan kira-kira RM5.2 bilion nilai jualan pada akhir tahun kewangan 2020.
3. Pengadaptasian transformasi digital bantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) membuat keputusan dengan lebih cepat dan tepat sekali gus meningkatkan jualan dan pendapatan mereka. Terdapat 5.3 peratus atau 58,000 daripada 1.1 juta PKS terbabit dalam sektor automotif.
4. Bagi mengatasi kekurangan cip global, Acer merancang pelbagai jenis produk berikutan harga cip semikonduktor dan alat elektronik dijangka meningkat dan kemungkinan berlanjutan hingga akhir tahun depan.
5. Harga kontrak penanda aras minyak sawit mentah (MSM) yang melepasi paras rekod tertinggi RM5,000 satu tan minggu lalu dijangka kekal kukuh sekurang-kurangnya sehingga suku pertama tahun depan, disokong kekurangan pengeluaran dan permintaan luaran yang tinggi.
6. Ticket sales at Melaka Zoo have exceeded RM800,000 with 10,000 visitors recorded in 16 days since the state's iconic tourism spot resumed operations on Oct 1.

7. Portfolio vaksin COVID-19 keenam negara, Sinopharm kini tersedia di klinik dan hospital swasta seluruh negara, selepas kumpulan pertama vaksin itu tiba ke Malaysia bulan lalu.
8. Syarikat farmaseutikal, Duopharma Biotech Bhd memantapkan lagi usaha vaksinasi COVID-19 di Malaysia dengan pengedaran vaksin Sinopharm COVID-19.
9. Kerajaan Pulau Pinang bersama Jabatan Kesihatan negeri itu sedang membuat persediaan bagi pelaksanaan suntikan dos penggalak dalam tempoh terdekat.
10. Pusat hemodialisis perlu diwujudkan di klinik kesihatan (KK) terutama di kawasan luar bandar bagi memudahkan pesakit mendapatkan rawatan.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Aktiviti operasi taman botani dan zoologi dan botani yang semakin rancak dapat memberikan impak positif kepada sektor perlancongan dan menjana ekonomi domestik negara.
2. Hospital dan klinik swasta yang terlibat dalam Public-Private Partnership COVID-19 Industry Immunisation Programme (PIKAS) berpotensi mendapat kenaikan hasil selari dengan peningkatan jumlah pemberian vaksin bagi program tersebut.

**C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)**

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 15 Oktober 2021 ( <i>Essential</i> )	<b>Duopharma edar vaksin Sinopharm di pasaran Malaysia</b>  Syarikat farmaseutikal, Duopharma Biotech Bhd memantapkan lagi usaha vaksinasi COVID-19 di Malaysia dengan pengedaran vaksin Sinopharm COVID-19.  Penghantaran pertama vaksin Sinopharm tiba di Malaysia secara berperingkat pada September 2021, dan kini terdapat secara meluas di klinik dan hospital swasta di seluruh negara.	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/10/876369/duopharma-edar-vaksin-sinopharm-di-pasaran-malaysia">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/10/876369/duopharma-edar-vaksin-sinopharm-di-pasaran-malaysia</a>

		Duopharma Biotech komited untuk menyokong program vaksinasi kerajaan dan meningkatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dengan memperluas saluran pengedaran vaksin untuk memastikan liputan vaksin penuh di Malaysia.	
2.	<b>The Edge Markets</b> 18 Oktober 2021 ( <i>Essential</i> )	<p><b>Local premix coffee producer penetrates Middle East market</b></p> <p>Homegrown premix coffee producer Akifcafe Coffee Industries Sdn Bhd has secured 10 unit stock keeping units (SKU) for markets in the United Arab Emirates (UAE) and Kuwait.</p> <p>Agriculture and Food Industries Deputy Minister II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh said the SKU orders involved 20-foot (ft) containers for the UAE market and 40-ft containers for Kuwait.</p> <p>The SKU procurement was through the company's participation in Gulfood Exhibition 2021 which was held in Dubai, UAE in February this year, the first trade mission for the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) under the 12th Malaysia Plan (12MP).</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/local-premix-coffee-producer-penetrates-middle-east-market">https://www.theedgemarkets.com/article/local-premix-coffee-producer-penetrates-middle-east-market</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Syarikat farmaseutikal, Duopharma Biotech Bhd memantapkan lagi usaha vaksinasi COVID-19 di Malaysia dengan pengedaran vaksin Sinopharm COVID-19. Penghantaran pertama vaksin Sinopharm tiba di Malaysia secara berperingkat pada September 2021, dan kini terdapat secara meluas di klinik dan hospital swasta di seluruh negara. Duopharma Biotech komited untuk menyokong program vaksinasi kerajaan dan meningkatkan



Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dengan memperluas saluran pengedaran vaksin untuk memastikan liputan vaksin penuh di Malaysia.

- Syarikat pengeluar produk kopi pracampur tempatan, Akifcafe Coffee Industries Sdn Bhd (Akifcafe Coffee) berjaya memperoleh tempahan 10 unit simpanan stok bagi pasaran di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Kuwait. Tempahan SKU itu melibatkan kontena bersaiz 20 kaki bagi pasaran di UAE dan 40 kaki kontena untuk pasaran Kuwait.

**Maklumbalas Bahagian:**

- Nilai import kod HS 6 digit 300220 *human blood; animal blood prepared for therapeutic, prophylactic or diagnostic uses; antisera, other blood fractions and immunological products, whether or not modified or obtained by means of biotechnological processes; vaccines, toxins, cultures of micro-organisms (excluding yeasts) and similar products, vaccines for human medicine*: yang terkandung di dalamnya vaksin COVID-19 bagi Ogos 2021 adalah RM572.5 juta dan menyusut RM219.7 juta atau 27.7 peratus bulan ke bulan. Antara vaksin COVID-19 yang telah diimport sehingga Ogos 2021 adalah keluaran Pfizer, Sinovac, Astra Zeneca dan CanSino.
- Nilai eksport kod HS 4 digit 0901 *coffee, whether or not roasted or decaffeinated; coffee husks and skins; coffee substitutes containing coffee in any proportion* yang terkandung di dalamnya kopi bagi Ogos 2021 adalah RM5.9 juta dan menyusut RM5.7 juta atau 49.3 bulan ke bulan. Eksport ke UAE bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021 adalah RM0.7 juta. Eksport makanan dan minuman halal bagi Ogos 2021 adalah RM1,654.0 juta dan meningkat RM2.0 juta atau 0.1 peratus bulan ke bulan. Eksport makanan dan minuman halal mendominasi eksport produk halal sebanyak 47.0 peratus dan menyumbang 1.7 peratus kepada keseluruhan nilai eksport Malaysia.

<b>D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Sinar Harian 18 Oktober 2021 (essential)</b>	<b>Kementerian Kerja Raya akan serah 120 SST projek pembinaan</b> Sebanyak 120 surat setuju terima (SST) bagi semua projek pembinaan yang telah diluluskan kerajaan Persekutuan akan diserahkan kepada syarikat yang terlibat dalam waktu terdekat.	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/167245/BERITA/Nasional/Kementerian-Kerja-Raya-akan-serah-120-SST-projek-pembinaan">https://www.sinarharian.com.my/article/167245/BERITA/Nasional/Kementerian-Kerja-Raya-akan-serah-120-SST-projek-pembinaan</a>

2.	<b>Harakah Daily 17 Oktober 2021</b> ( <i>non-essential</i> )	<b>Kelantan negeri pertama dibina Taman Perindustrian IBS</b> Kelantan menjadi negeri pertama di negara ini akan dibina Taman Perindustrian Sistem Binaan Berindustri (IBS) di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bersama kerajaan negeri dengan peruntukan lebih RM70 juta.	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2021/10/17/kelantan-negeri-pertama-dibina-taman-perindustrian-ibs/">https://harakahdaily.net/index.php/2021/10/17/kelantan-negeri-pertama-dibina-taman-perindustrian-ibs/</a>
----	--	---	---

**Penemuan penting & isu:**

1. Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, usaha ini selari dengan matlamat pencapaian awal 100 hari kementeriannya dengan menumpukan kepada pemulihan negara terutama dalam meningkatkan infra rakyat. Usaha ini adalah untuk memastikan semua peruntukan yang telah diluluskan diberikan SST termasuk memastikan perjalanan projek berjalan lancar. Sinar Harian sebelum ini melaporkan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed memaklumkan sebanyak 46.8 peratus daripada RM39 bilion peruntukan bagi pembangunan asas dibelanjakan membabitkan seluruh negara, sehingga 3 Oktober lepas. Menurut beliau, jumlah peratusan yang dibelanjakan itu mengalami kelewatan daripada perancangan asal disebabkan beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan.
2. Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Fadillah Yusof berkata, projek yang akan dibangunkan di bawah Dasar Pembinaan Negara 2030 dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) yang dijangka siap dalam masa 24 bulan. Beliau berkata, pembinaan itu akan dibangunkan di tanah berkeluasan 200 ekar yang disumbangkan oleh kerajaan negeri selain ia merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Kecemerlangan IBS di Kelantan. Selain itu katanya, ia sekali gus memperkukuhkan jaringan ekosistem IBS di Malaysia seterusnya dapat meningkatkan bilangan penggiat IBS terutamanya dalam kalangan Bumiputera dan usahawan kecil dan sederhana (SME).

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Penyerahan 120 surat setuju terima (SST) bagi semua projek pembinaan yang telah diluluskan kerajaan Persekutuan akan merancakkan lagi sektor pembinaan pada masa hadapan. Pada suku tahun kedua 2021, sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan -8.8 peratus berbanding suku tahun pertama 2021.
2. Program kecemerlangan IBS bakal memberi peluang pekerjaan kepada lebih 3,500 tenaga kerja. Malah dengan penggunaan IBS secara menyeluruh ia dapat membantu mengurus kos pembinaan perumahan. Taman Perindustrian IBS ini akan mengumpulkan semua pengusaha produk-produk pembinaan terutama yang

berkaitan IBS dan teknologi muncul (emerging technologies), menjadikannya Pusat Rujukan Setempat (One Stop Center) bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan industri pembinaan di Pantai Timur. Selain itu konsep taman perindustrian IBS ini juga turut dibangunkan di beberapa negeri lain yang akan membantu keseluruhan ekosistem sektor pembinaan di Malaysia. Kelantan menyumbang nilai kerja pembinaan sebanyak RM0.3 bilion daripada RM28.2 bilion pada suku tahun kedua 2021.

<b>E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Berita Harian</b> 18 Oktober 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<p><b>Pergerakan penumpang Malaysia Airlines melonjak</b></p> <p>Pergerakan penumpang domestik Malaysia Airports melonjak 74 peratus pada September berbanding bulan sebelumnya dipacu kejayaan gelembung pelancongan Langkawi dan kemajuan Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p> <p>Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) memaklumkan lonjakan itu menyaksikan peningkatan 55 peratus dalam keseluruhan pergerakan penumpang bagi Malaysia pada September kepada 458,000 orang, merangkumi 362,000 penumpang domestik dan baki 96,000 lagi penumpang antarabangsa. Pergerakan pesawat domestik meningkat sekitar 20 peratus bulan lalu dengan mencatat lebih 10,000 penerbangan berbanding Ogos. MAHB optimis dengan trend perjalanan menggalakkan ini akan berterusan dengan pemansuhan sekatan perjalanan antara negeri dan antarabangsa.</p> <p>Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gokcen (ISG) merekodkan 2.7 juta pergerakan penumpang pada September. Justeru, katanya ISG kekal</p>	<p><a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/10/877339/pergerakan-penumpang-malaysia-airports-melonjak">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/10/877339/pergerakan-penumpang-malaysia-airports-melonjak</a></p>

		<p>menjadi penyumbang utama kepada pergerakan penumpang keseluruhan kumpulan iaitu 3.2 juta penumpang bulan lalu. ISG terus menunjukkan pemulihan kukuh disokong lonjakan kadar vaksinasi dan kelonggaran rentas sempadan di Eropah. Bagi operasi kargo MAHB, kumpulan itu menerima kemasukan syarikat penerbangan China Central Longhao Airlines ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bulan lalu, sekaligus menunjukkan peningkatan kepentingan kargo udara dalam landskap penerbangan tempatan terutama dari kesan buruk akibat pandemik. Syarikat penerbangan kargo China ini mengendalikan laluan Shenzhen-Kuala Lumpur dengan perkhidmatan penerangan tiga kali seminggu. Jumlah operasi kargo bagi MAHB sehingga September menunjukkan peningkatan 24 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu dengan membabitkan 726,800 tan kargo.</p>	
--	--	---	--

**Penemuan penting & isu:**

1. Malaysia Airports melaporkan lonjakan 74 peratus pada September berbanding bulan sebelumnya di mana terdapat 55 peratus peningkatan dalam keseluruhan pergerakan penumpang bagi Malaysia kepada 458,000 orang, merangkumi 362,000 penumpang domestik dan baki 96,000 lagi penumpang antarabangsa. Trend perjalanan ini akan berterusan dengan pemansuhan sekatan perjalanan antara negeri dan antarabangsa. Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gokcen (ISG) merekodkan 2.7 juta pergerakan penumpang disokong oleh lonjakan kadar vaksinasi dan kelonggaran rentas sempadan di Eropah. Operasi kargo sehingga September menunjukkan peningkatan 24 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu dengan membabitkan 726,800 tan kargo. Ini disokong oleh kemasukan syarikat penerbangan China Central Langhao Airlines ke KLIA yang mengendalikan laluan Shenzhen-Kuala Lumpur dengan perkhidmatan penerbangan tiga kali seminggu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemberian vaksin berterusan dan pemansuhan sekatan perjalanan antarabangsa dan domestik menunjukkan kesan positif terhadap perjalanan udara yang menunjukkan peningkatan penumpang sebanyak 55 peratus di Malaysia dan 2.7 juta penumpang udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gokchen (ISG) pada bulan September berbanding bulan sebelumnya. Ini memberi kesan langsung terhadap komponen Pengangkutan dan Perjalanan di dalam penyusunan Statistik Imbangan Pembayaran Malaysia. Pada suku kedua 2021, komponen Pengangkutan merekodkan RM8.1 bilion berbanding RM7.7 bilion pada suku sebelumnya. Sementara itu, komponen Perjalanan mencatatkan deficit RM3.6 bilion pada suku kedua 2021 berbanding RM3.4 bilion pada suku sebelumnya.

<b>F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>The Edge</b> 19 Okt. 2021 ( <i>Non-essential</i> )	<b>IMF cuts growth forecast for Asia, warns of supply chain risks</b>  The International Monetary Fund on Tuesday slashed this year's economic growth forecast for Asia and warned that a fresh wave of COVID-19 infections, supply chain disruptions and inflation pressures pose downside risks to the outlook.  The IMF raised its Asia growth forecast for 2022 to 5.7% from a 5.3% estimate in April, reflecting progress in vaccinations.  India is expected to expand 9.5% this year, while advanced economies like Australia, South Korea, New Zealand and Taiwan benefit from high-tech and commodity booms. But ASEAN-5 countries - Indonesia, Malaysia, Philippines, Singapore, Thailand - still face "severe challenges".	<a href="https://www.theedge.com/article/imf-cuts-growth-forecast-asia-warns-supply-chain-risks">https://www.theedge.com/article/imf-cuts-growth-forecast-asia-warns-supply-chain-risks</a>
Penemuan penting & isu:			

1. International Monetary Fund (IMF) mengurangkan ramalan pertumbuhan ekonomi tahun ini bagi rantau Asia susulan daripada gangguan rantaian bekalan dan tekanan inflasi di rantau ini. Negara ASEAN-5 iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand menghadapi ekonomi mencabar. Walaubagaimanapun, IMF menyemak semula ramalan pertumbuhan ekonomi Asia bagi tahun 2022 kepada 5.7 peratus berbanding 5.3 peratus yang mencerminkan kemajuan dalam program vaksinasi penduduk. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi India dijangka berkembang 9.5% bagi tahun 2021, sementara ekonomi maju seperti Australia, Korea Selatan, New Zealand dan Taiwan dijangka berkembang ekoran ledakan teknologi.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Pertumbuhan ekonomi rantau Asia sepanjang tahun 2021 diramalkan menyederhana ekoran daripada gelombang baharu pandemik COVID-19 tahun ini, selari dengan penurunan prospek ramalan IMF bagi negara ASEAN-5. Walaubagaimanapun, prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi suku keempat tahun ini dijangka semakin baik ekoran daripada kejayaan imuniti penduduk melalui vaksinasi dewasa mencecah 94.0 peratus pada 19 Oktober 2021 seterusnya peralihan negeri Fasa 4 PPN pada 18 Oktober 2021 bagi enam negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan WP Labuan. Manakala kesemua 9 negeri kini berada di Fasa 3 PPN.

<b>G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>News 12 staff</b> 17 Oktober 2021 ( <i>Essential</i> )	<b>Oil and gas prices on the rise as demand surges</b>  Oil prices are the highest they've been in years and now prices are up at the pump too.  Usually, this time of year gas prices go down, but demand for gas and oil is growing faster than production as the economy comes back to life following shutdowns caused by COVID-19.	<a href="https://bronx.news12.com/oil-and-gas-prices-on-the-rise-as-demand-surges">https://bronx.news12.com/oil-and-gas-prices-on-the-rise-as-demand-surges</a>

2.	<b>Astro Awani</b> 17 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Kadar penginapan hotel di Pulau Pangkor meningkat 78 peratus</b>  Kadar penginapan hotel di Pulau Pangkor menunjukkan peningkatan hingga 78 peratus, sejak pergerakan rentas negeri dibenarkan pada 11 Okt lepas.	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadar-penginapan-hotel-di-pulau-pangkor-meningkat-78-peratus-325831">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadar-penginapan-hotel-di-pulau-pangkor-meningkat-78-peratus-325831</a>
3.	<b>Berita Harian</b> 17 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Harga lantai kos umrah RM6,900</b>  Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menetapkan harga lantai ibadah umrah adalah RM6,900 bagi tempoh 12 hari dan 10 malam.	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/877083/harga-lantai-kos-umrah-rm6900">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/877083/harga-lantai-kos-umrah-rm6900</a>
4.	<b>The Edge Market</b> 18 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Oil prices climb to highest in years as COVID-19 recovery, power generators stoke demand</b>  Oil prices hit their highest in years on Monday as demand continues its recovery from the COVID-19 pandemic, boosted by more custom from power generators turning away from expensive gas and coal to fuel oil and diesel.  Brent crude oil futures rose 87 cents, or 1%, to \$85.73 a barrel by 0111 GMT, the highest price since October 2018.  U.S. West Texas Intermediate (WTI) crude futures climbed \$1.12, or 1.4%, to \$83.40 a barrel, highest since October 2014.  Both contracts rose by at least 3% last week.	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/oil-prices-climb-highest-years-covid-recovery-power-generators-stoke-demand">https://www.theedgemarkets.com/article/oil-prices-climb-highest-years-covid-recovery-power-generators-stoke-demand</a>

<p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permintaan untuk gas dan minyak meningkat lebih cepat daripada pengeluaran ketika ekonomi kembali seperti biasa selepas penutupan yang disebabkan oleh COVID-19. AAA mengatakan harga purata gas di Long Island sekarang ialah \$ 3,38 per galon - kenaikan dari \$ 3,37 pada hari Jumaat. Minyak mentah kini melebihi \$ 82 per tong, tertinggi sejak Oktober 2014.</li> <li>2. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Perak, berkata kemasukan pengunjung ke Pulau Pangkor sejak pergerakan rentas negeri dibenarkan pada 11 Okt lepas direkodkan seramai 9,888 orang dari seluruh negara. Mereka menerima 9,888 pengunjung ke Pulau Pangkor dalam tempoh enam hari dengan 78 peratus tempahan hotel dan penginapan. Sebanyak 25 daripada 47 premis yang berdaftar sudah beroperasi, manakala selebihnya secara berperingkat hingga November ini.</li> <li>3. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menetapkan harga lantai ibadah umrah adalah RM6,900 bagi tempoh 12 hari dan 10 malam. Harga lantai ini akan disemak semula apabila wabak COVID-19 diisytiharkan berakhir dan keadaan sudah kembali normal selain kekangan SOP tidak lagi dilaksanakan Malaysia dan Arab Saudi. Kali terakhir kadar harga lantai kos ibadah umrah ditetapkan ialah pada tahun 2016 iaitu pada paras harga RM4,900.</li> <li>4. Harga minyak mencecah paras tertinggi dalam beberapa tahun ketika permintaan terus pulih dari pandemik COVID-19. Ini didorong oleh perubahan dari gas dan arang batu yang mahal kepada bahan bakar minyak dan diesel.</li> </ol>			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Harga minyak kembali meningkat selepas mengalami kejatuhan harga pada Ogos 2021 yang lalu. IHPR pengeluaran tempatan pada Ogos 2021 menunjukkan komoditi minyak mentah mencatatkan penurunan 2.9 peratus bulan ke bulan. Selain itu, musim sejuk di Eropah juga menjadi salah satu faktor bagi kenaikan harga bagi komoditi gas asli. IHPR pengeluaran tempatan bagi komoditi ini dijangka akan terus berada di kedudukan positif sehingga hujung tahun 2021. Kenaikan harga gas asli di Asia turut disumbangkan oleh bekalan yang terhad disebabkan oleh penyelenggaraan berpanjangan di Rusia dan Australia.</li> </ol>			



2. Kebenaran rentas negeri yang diumumkan oleh kerajaan bermula 11 Oktober 2021 yang lalu sekaligus membuka sektor perhotelan, tempat peranginan serta restoran. Pembukaan ini dijangka akan memberi impak kepada kenaikan harga perkhidmatan kerana ada supply dan demand. Hal ini turut akan memberi kesan kepada inflasi kumpulan Restoran & Hotel.
3. Kenaikan harga minyak mentah akan memberi kesan kepada prestasi IHPR pengeluaran tempatan berikutan sumbangannya yang signifikan kepada prestasi keseluruhan IHPR pengeluaran tempatan.
4. Penetapan harga lantai ibadah umrah oleh MOTAC secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada inflasi kumpulan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan terutamanya bagi subkumpulan Pakej Perlancongan.

#### H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Astro Awani</b> 17 Oktober 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<b>6,145 kes baharu COVID-19 hari ini, terendah dalam tempoh 3 bulan</b>  Negara merekodkan 6,145 jangkitan baharu wabak COVID-19 dalam tempoh 24 jam lalu. Angka yang direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini merupakan jangkitan harian terendah dalam tempoh lebih tiga bulan lalu.  Sementara itu, Sarawak merekodkan kes kematian Covid-19 tertinggi dengan 13 kes daripada 63 kes kematian yang dicatatkan di seluruh negara.	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/6145-kes-baharu-covid19-hari-ini-terendah-dalam-tempoh-3-bulan-325857">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/6145-kes-baharu-covid19-hari-ini-terendah-dalam-tempoh-3-bulan-325857</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 18 Oktober 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<b>2,662 dos penggalak diberikan semalam</b>  Sebanyak 2,662 dos penggalak vaksin COVID-19 diberikan kepada kumpulan sasaran,	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/877264/2662-dos-penggalak-diberikan-semalam">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/877264/2662-dos-penggalak-diberikan-semalam</a>

		semalam, menjadikan jumlah kumulatifnya kini mencecah 21,477 selepas dilancarkan, Khamis lalu.	
<p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pertambahan kes baharu itu menjadikan kumulatif kes COVID-19 yang dikesan di Malaysia adalah 2,390,687 kes. Pada 4 Julai lalu, 6,045 jangkitan baharu COVID-19 dilaporkan. Daripada 6,145 kes harian yang dilaporkan pada hari ini, 142 kes (2.3 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5; dan 6,003 kes (97.7 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Sejumlah 9,231 kes sembuh dilaporkan hari ini. Pesakit yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) ketika ini adalah seramai 682 kes sementara 281 kes memerlukan alat bantuan pernafasan. Terdapat sembilan kluster baharu dilaporkan hari ini sekali gus menjadikan jumlah kluster aktif pada ketika ini adalah 676 kluster. Sementara itu, Sarawak merekodkan kes kematian Covid-19 tertinggi dengan 13 kes daripada 63 kes kematian yang dicatatkan di seluruh negara. Menurut data pada laman web CovidNow, pertambahan 63 kes kematian tersebut menjadikan jumlah kematian terkini Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 27,921 kes. Tiada kematian harian direkodkan dalam tempoh 24 jam semalam selain terdapat 11 kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-death (BID). Jumlah kes BID di seluruh negara merekodkan sebanyak 5,646 kes. Negeri-negeri yang merekodkan kematian ialah Sarawak (13), Johor (9), Sabah (7), Selangor (6), Perak (5), Kedah (4), Melaka (4), Pulau Pinang (4), Kuala Lumpur (3), Kelantan (2), Pahang (2), Perlis (2), Negeri Sembilan (1) dan Terengganu (1) serta tiada kematian di Labuan dan Putrajaya.</li> <li>2. Angka itu dikongsikan Kementerian Kesihatan menerusi portal COVIDNOW yang turut menjelaskan 134,180 suntikan vaksin diberikan, semalam, yang membawa kepada jumlah kumulatif 47,838,886 dos. Angka harian vaksinasi itu turut membabitkan 115,302 lengkap divaksin dan 16,216 dos satu. Angka harian vaksinasi itu turut membabitkan 115,302 lengkap divaksin dan 16,216 dos satu. Ini sekali gus menjadikan 22,767,241 atau 69.7 peratus populasi keseluruhan di negara ini lengkap vaksinasi, setakat semalam.</li> <li>3. Dalam pada itu, 2,441,276 (7.5 peratus) pula belum lengkap divaksin dan 7,578,180 (23.2 peratus) lagi tiada vaksinasi. Perkongsian sama turut menyaksikan seramai 806,330 atau 25.6 peratus populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun lengkap imunisasi, manakala 1,656,877 (52.6 peratus) belum lengkap vaksinasi dan 684,293 (21.8 peratus) tiada vaksinasi.</li> </ol>			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:</li> </ol>			

- Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

<b>I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Berita Harian</b> 15 Oktober 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<p><b>Vaksinasi kanak-kanak bantu Malaysia capai imuniti kelompok segera</b></p> <p>Imuniti kelompok di Malaysia boleh dicapai lebih pantas menerusi vaksinasi kanak-kanak kerana individu berusia 18 tahun ke bawah, merangkumi 28.3 peratus daripada 32.7 juta penduduk di negara ini.</p> <p>Vaksinasi kanak-kanak berusia tiga tahun hingga 11 tahun berkemungkinan akan menjadi keperluan untuk mencapai imuniti kelompok dengan lebih pantas bagi menyokong perlumbaan melindungi keseluruhan populasi daripada pandemik COVID-19.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/876465/vaksinasi-kanak-kanak-bantu-malaysia-capai-imuniti-kelompok-segera">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/876465/vaksinasi-kanak-kanak-bantu-malaysia-capai-imuniti-kelompok-segera</a>
<p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Imuniti kelompok di Malaysia boleh dicapai lebih pantas menerusi vaksinasi kanak-kanak kerana individu berusia 18 tahun ke bawah, merangkumi 28.3 peratus daripada 32.7 juta penduduk di negara ini.</li> </ol>			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kanak-kanak adalah antara golongan yang berisiko dijangkiti COVID-19. Pemberian vaksin kepada golongan tersebut merupakan inisiatif kerajaan bagi melindungi mereka daripada jangkitan virus COVID-19 sekali gus membantu negara dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk mencapai imuniti kelompok secepat mungkin. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dan lima tahun ke bawah masing-masing adalah sebanyak 9,247.5 ribu orang dan 2,542.2 ribu orang.</li> </ol>			

<b>J. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Astro Awani</b> <b>19 Oktober 2021</b> <i>(Non-Essential)</i>	<b>Give youths, graduates proper guidance to prepare for working world, says Senator</b>  Student and youth groups need to be given proper guidance to help them prepare for the reality of facing the working world. This was because currently, one in six graduates, on average, would only secure employment six months after graduation.	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/give-youths-graduates-proper-guidance-prepare-working-world-says-senator">https://www.theedgemarkets.com/article/give-youths-graduates-proper-guidance-prepare-working-world-says-senator</a>
2.	<b>Astro Awani</b> <b>19 Oktober 2021</b> <i>(Non-Essential)</i>	<b>Sistem persaraan Malaysia ketiga terbaik di Asia - Kajian</b>  Sistem persaraan Malaysia diiktiraf ketiga terbaik di Asia dan ke 23 di peringkat global, mengatasi Jepun dan Korea Selatan. Kajian indeks itu melibatkan 43 sistem pendapatan persaraan seluruh dunia yang menggunakan tiga sub indeks iaitu kecukupan, kelestarian dan integriti. Memandangkan jangka hayat semakin meningkat, kerajaan boleh melihat cara meningkatkan had sokongan minimum bagi pesaraan termiskin dan juga kadar penyertaan tenaga buruh terutama bagi yang berusia.	<a href="https://www.astroawani.com/berita-bisnes/sistem-persaraan-malaysia-ketiga-terbaik-di-asia-kajian-326187">https://www.astroawani.com/berita-bisnes/sistem-persaraan-malaysia-ketiga-terbaik-di-asia-kajian-326187</a>
3.	<b>The Edge Market</b> <b>17 Oktober 2021</b> <i>(Non-Essential)</i>	<b>Pandemic a game changer for hiring of local plantation workers</b>  Central Terengganu Development Authority (Ketengah) had organised a short-term course on	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/pandemic-game-changer-hiring-local-plantation-workers">https://www.theedgemarkets.com/article/pandemic-game-changer-hiring-local-plantation-workers</a>

		oil palm plantation supervision and operation (K-POLKS) as a pilot programme after 25% of the foreign workers could not be employed. The programme first implemented last year to train local youth in the industry and managed to cover 60 per cent of the foreign workforce.	
4.	<b>The Edge Market 16 Oktober 2021 (Non-Essential)</b>	<b>Over 275,000 vacancies offered at MYFutureJobs</b>  More than 275,000 job vacancies nationwide were available on the MYFutureJobs portal as of Oct 1. There were 50,482 citizens lost their jobs during the first 10 months of this year, with 795 of them in Malacca.	<a href="https://www.theedge.com/article/over-275000-vacancies-offered-myfuturejobs">https://www.theedge.com/article/over-275000-vacancies-offered-myfuturejobs</a>

Penemuan penting & isu:

1. Golongan belia dan mahasiswa perlu diberi panduan yang bersesuaian agar mereka lebih bersedia menghadapi alam pekerjaan. Hal ini berikutan pada masa ini, satu daripada enam graduan hanya mendapat pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian/ graduasi.
2. Sistem persaraan Malaysia diiktiraf ketiga terbaik di Asia dan ke 23 di peringkat global, mengatasi Jepun dan Korea Selatan. Kajian tersebut melibatkan 43 sistem pendapatan persaraan seluruh dunia berasaskan tiga sub indeks iaitu kecukupan, kelestarian dan integriti. Berikutan jangka hayat adalah semakin meningkat, kerajaan boleh melihat cara meningkatkan had sokongan minimum bagi pesaraan termiskin dan juga kadar penyertaan tenaga buruh terutama bagi yang berusia.
3. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) telah melancarkan program Kursus Jangka Pendek Kursus Penyeliaan & Operasi Ladang Kelapa Sawit (K-POLKS) bagi melatih belia tempatan dalam industri berkenaan. Langkah ini didorong oleh kehilangan 25 peratus pekerja asing akibat pandemik dan kontrak yang tidak disambung semula. Sehingga kini, program tersebut telah berjaya menampung 60 peratus kekosongan pekerja asing.
4. Terdapat lebih 275 ribu kekosongan jawatan aktif di seluruh negara menerusi portal MYFutureJobs sehingga 1 Oktober. Dalam tempoh 10 bulan pertama 2021, sebanyak 50,482 orang yang dilaporkan telah kehilangan pekerjaan. Kemudahan '*one-stop centre*' ini akan membantu

bagi mengurangkan kadar pengangguran serta meningkatkan penempatan pekerjaan masyarakat tempatan,

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Ogos 2021 yang diterbitkan pada 8 Oktober 2021 adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 16,125.4 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,376.6 ribu
  - iii) Penganggur: 748.8 ribu
  - iv) Luar tenaga buruh: 7,448.5 ribu
  - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.4 peratus
  - vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus
  
2. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
  - iii) Penganggur: 764.9 ribu
  - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
  - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
  
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
  - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
  - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
  - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
  - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
  - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
  - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
  
4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
  - i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
  - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
  - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
  - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
  - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
  - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)
  
5. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2020 adalah seperti berikut:
  - i) Pertanian: 779 ribu orang (Sumbangan: 10.7%)
  - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)

- iii) Pembuatan: 1,187 ribu orang (Sumbangan: 16.4%)
- iv) Pembinaan: 673 ribu orang (Sumbangan: 9.3%)
- v) Perkhidmatan: 4,593 ribu orang (Sumbangan: 63.3%)
- vi) Jumlah: 7,253 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)